



View metadata, citation and similar papers at [core.ac.uk](https://core.ac.uk)

brought to you by  CORE

provided by Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository



# 4

## HUBUNGAN ETNIK PADA ZAMAN KOLONIAL

KASSIM THUKIMAN

### PENDAHULUAN

Daripada segi geografi, Malaysia (sebelum ini dikenali sebagai Tanah Melayu) memang merupakan kawasan yang paling strategik. Ia dikelilingi oleh gugusan pulau-pulau yang mempunyai budaya penduduk yang hampir sama. Migrasi antara kawasan adalah suatu yang lumrah dalam tujuan perdagangan, menuntut ilmu ataupun hubungan persaudaraan. Justeru itu, Malaysia mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik dan ragam budaya yang unik. Namun begitu, kejelekitan hubungan etnik di kalangan penduduk di Tanah Melayu tidak dapat dipertahankan disebabkan oleh dasar penjajah British yang berusaha memecahbelahkan kesatuan penduduk di negara ini.

### SEJARAH AWAL

Pengasasan, kekuatan dan kekuahan kerajaan kelautan (maritime) yang meluas di rantau ini memungkinkan proses migrasi menjadi semakin lumrah. Atas sebab itulah kegemilangan kerajaan-kerajaan awal yang wujud di Nusantara mempunyai kaitan rapat dengan kegiatan perdagangan (Meilink-Roelofsz, 1962). Maka tidak hairanlah satu fakta yang menyatakan bahawa bangsa Melayu yang mendiami rantau ini adalah merupakan golongan peniaga dan pedagang yang kompeten. Suatu pernyataan bahawa terdapat tidak kurang daripada 84 jenis bangsa pedagang yang menjalankan



urusan perniagaan di kota pelabuhan Melaka, yang menyebabkannya digelar sebagai ‘cosmopolitan city’ (Armando Cortesao, 1944). Kehebatan pelabuhan Melaka ketika itu mempunyai kaitan dengan kegemilangan pelabuhan Venice di Itali. Begitu juga dengan Johor, yang telah mewarisi kegemilangan kerajaan Melaka sebagai pusat pembangunan ekonomi di rantau ini (Leonard Y. Andaya, 1987). Justeru itu jugalah, pihak penjajah Barat mula memfokuskan kepada daerah Nusantara untuk dihegemonikan. Hakikatnya bermula pada abad ke-16, menjangkau sehingga pada abad 18-19, kerakusan kuasa penjajah Barat untuk menguasai rantau ini tidak dapat dibendung lagi. Kesatuan gugusan rantau ini dipecahbelahkan mengikut selera dan citarasa masing-masing. Persempadanan kawasan mula diperkenalkan untuk mengesahkan hak milik penjajah mengikut kekuatan pengaruh masing-masing.

## DASAR PENJAJAHAN BRITISH

Pada peringkat awal penjajahan, kuasa-kuasa Barat mula menggunakan aktiviti perdagangan di Asia Tenggara. Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) dan Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) bersaing untuk menjalankan serta menguasai perdagangan di rantau ini. Orang-orang Inggeris menjadikan Calcutta sebagai pangkalan untuk merancang strategi perniagaan dan penjajahan. Oleh kerana nadi kekuatan Tanah Melayu disebabkan faktor perdagangan, maka pada peringkat awal British hanya memfokuskan kepada kawasan-kawasan pelabuhan iaitu Pulau Pinang, Singapura dan Melaka. Hakikatnya penjajah British menggunakan pendekatan tipu helah dan ugutan atau ‘diplomasi kapal perang’ untuk memaksa raja-raja Melayu menyerahkan negeri-negeri Melayu kepada penjajah British.

Justeru untuk mengelakkan kebangkitan penentangan di kalangan orang Melayu, British menggunakan pendekatan muslihat Sistem Residen iaitu melantik pegawai British sebagai Residen, yang tugasnya hanya menjadi penasihat raja. Kerajaan British mendakwa



kedatangan mereka bukan untuk menjajah, mereka mengekalkan sistem kesultanan, sebaliknya melantik Residen yang bertugas untuk ‘menasihati’ raja dalam semua bidang pemerintahan kecuali dalam bidang agama dan adat istiadat Melayu. Hal ini disebabkan British amat memahami bahawa kedua-dua perkara tersebut sangat sensitif untuk disentuh, apakah lagi diceroboh atau dihapuskan. Namun begitu, tipu helah penjajah British tidak boleh diselindung, apabila pegawai-pegawai British secara rakus mengambilalih kuasa pentadbiran dan pemerintahan. Secara langsung, hak mentadbir negeri oleh sultan telah diketepikan sama sekali. Begitu juga para pembesar Melayu hilang kelayakan untuk mentadbir negeri dan menjaga daerah-daerah yang merupakan pusat kuasa dan ekonomi.

Kedatangan penjajah Barat bukan sahaja untuk menguasai bahan mentah dan tanah jajahan, tetapi juga penyebaran agama Kristian. Semasa era penjajahan, British juga menggalakkan penyebaran agama Kristian di kalangan mualih mereka di seluruh Tanah Melayu dan Singapura (Nabir Abdullah, 1990). Penjajah turut merubah sistem sosial yang menyebabkan kemajmukan masyarakat yang terpisah, untuk membolehkan ia mengaut secara maksimum hasil bumi dari Tanah Melayu. Sebagai contoh, kedatangan British telah menyebabkan imperialisme ekonomi secara besar-besaran khususnya perladangan getah (Badriyah Haji Salleh, 1990). British melaksanakan Dasar Pecah dan Perintah, yang memungkinkan kerjasama antara kaum tidak wujud (Maurice Freedman, 1960). Keharmonian penduduk Tanah Melayu yang menyelubungi kehidupan penduduknya sebelum ini sudah mula merasai bahang kekacauan daripada segi hubungan etnik. Penduduk yang pelbagai bangsa telah dipolarisasikan mengikut kawasan petempatan, sektor pekerjaan serta pengenalan sistem pendidikan vernakular dan politik perkauman. Perpecahan di kalangan penduduk membolehkan penjajah British mengeksplorasi pentadbiran dan politik di tanah jajahan, menguasai sepenuhnya kegiatan ekonomi Tanah Melayu. Jelasnya, kedatangan British akan berusaha menggunakan sumber tenaga buruh yang murah untuk dieksplorasi. Pemikiran ekonomi kapitalisme mula tersebar dan meresap menerusi syarikat-syarikat gergasi barat. Mereka hanya



memikirkan keuntungan ekonomi tanpa mengambilkira kesan negatif akibat dasar yang berbaur perkauman itu.

## PERSPEKTIF EKONOMI DAN PEMBANGUNAN

Zaman penjajahan British seringkali diungkapkan sebagai era pembangunan ekonomi Tanah Melayu yang begitu drastik dan pesat sekali. Hal ini berkait rapat dengan Dasar Ekonomi British yang mengamalkan dasar imigrasi yang longgar. Menerusi dasar ini, British memang menggalakkan kehadiran pekerja-pekerja dari India dan China untuk menjadi sumber tenaga manusia dalam kegiatan perladangan getah dan perlombongan bijih timah. Hakikatnya, masyarakat imigran ini merupakan faktor penting yang membolehkan penampungan keperluan kolonial dari segi tenaga buruh, sama ada pada peringkat yang kurang mahir atau peringkat pentadbiran rendah dan juga penyaluran modal-modal daripada masyarakat perdagangan Negeri-Negeri Selat ke Tanah Melayu. Selain daripada orang Cina dan India, orang Jawa juga memang digalakkan oleh British untuk menjadi buruh dalam sektor pertanian dan perladangan (Khazin Mohd. Tamrin, 1992). Orang-orang Jawa digalakkan untuk menjadi buruh di Tanah Melayu menerusi Sistem Shikh, yang membolehkan orang Jawa yang bekerja dapat mengerjakan ibadah haji di Mekah. Kontrak ini menyebabkan mereka mesti berkhidmat kepada syarikat-syarikat yang tertentu. Selain daripada itu, orang Cina juga banyak terlibat dalam kegiatan pertanian komersial yang dinamakan Sistem Kangcu di Johor dan Seberang Perai. Satu fakta menunjukkan melalui Sistem Kangcu, kehadiran orang Cina ke Tanah Melayu menyamai dengan buruh-buruh Cina yang terlibat dalam kegiatan perlombongan (M.A. Fawzi Basri, 1984).

Terdapat suatu perangkaan yang menunjukkan antara tahun 1855-1862, terdapat kira-kira 70,000 orang Cina di Johor yang terlibat dalam pekerjaan menanam gambir dan lada hitam. Dalam tahun 1883, terdapat seramai 97 orang Kangcu yang mengendalikan 97 kawasan gambir-lada. Pada tahun tersebut, terdapat 137 buah firma atau kedai



yang mengendalikan urusniaga gambir-lada, berbanding dengan 20 buah kedai sahaja pada tahun 1874. Perkembangan dan pertambahan perangkaan tersebut menjadikan Johor sebagai pengeluar komoditi gambir dan lada yang terbesar di dunia. Statistik menunjukkan pada tahun 1894, terdapat kira-kira 210,000 orang Cina yang bekerja dalam Sistem Kangcu. Keseluruhan penduduk Johor ketika itu ialah 300,000 orang. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa kehadiran orang Cina ke Tanah Melayu juga disebabkan oleh kegiatan pertanian.

Sebenarnya sejak dari awal lagi, kita dapati bahawa penulisan sejarah penduduk Tanah Melayu memang terpisah mengikut kemajmukan masyarakatnya. Sejarah ketiga-tiga kaum iaitu Melayu, (S. Husin Ali, 1981) Cina (Victor Purcell, 1978) dan India (Arasaratnam, S., 1979) dibincangkan secara berbeza dan tidak disepaduan. Begitu juga dengan penulisan tentang ekonomi Tanah Melayu yang berat sebelah (bias). Penulisan tentang sejarah ekonomi bersifat stereotaip; orang Cina sebagai pelombong, orang India sebagai buruh ladang, manakala orang Melayu sebagai petani dan nelayan. Hakikatnya, atas desakan kehidupan dan ‘survival’, setiap kaum berusaha untuk memajukan diri dan bangsanya.

Suatu hal yang perlu diketengahkan ialah penjajah British memang mempunyai niat yang tidak jujur terhadap orang Melayu. Banyak pihak memuji-muji tindakan British untuk tidak mencampuri urusan agama dan adat istiadat Melayu. Dari segi politik, British cuba untuk menarik sokongan Raja-raja dan orang Melayu keseluruhannya; menegaskan bahawa kehadiran mereka bukan untuk menjajah. Justeru itu, British mengekalkan institusi kesultanan dan sistem pembesar. Dalam perspektif ekonomi dan pembangunan, British cuba mengekalkan *status quo* bangsa Melayu sebagai petani dan nelayan. Hal ini tidak sukar untuk difahami. Ini berikutan dasar pendidikan British yang tidak berusaha untuk membangunkan orang Melayu, tetapi berusaha dengan penuh muslihat untuk mengekalkan mereka sebagai golongan hamba dan mempunyai status sosial yang paling rendah. Sebenarnya, British mempunyai muslihat untuk membiarkan orang Melayu dalam keadaan tradisi, miskin dan ketinggalan (Malek Munip, ). Sikap kebencian penjajah British terhadap orang



Melayu terbongkar apabila Frank Swettenham, Residen British di Selangor, menghasilkan penulisan berjudul *The Real Malay* dan *The Malay Sketch* yang merendahkan martabat dan tamadun orang Melayu. Orang Melayu digambarkan sebagai bangsa yang primitif, mengamalkan ekonomi sara diri dan pindah randah serta tidak bertamadun. Justeru itulah kehadiran British dikatakan mempunyai tanggungjawab yang cukup besar untuk mentamadunkan bangsa Melayu menerusi gagasan “the white man’s burden”. Oleh kerana itu, banyak pengkaji sejarah terutamanya penulis Barat yang menganggap abad ke-19 sebagai episod zaman kemunduran (decadent) bangsa Melayu, sebaliknya menobatkan zaman keagungan British di Tanah Melayu “The British-Malaya”.

Dalam konteks Kuala Lumpur, amat jarang penulis memerihalkan tentang peranan orang Melayu dan India. Sebelum kedatangan orang Cina, orang Melayu adalah pengasas kepada pembukaan kota ini dan merupakan golongan peniaga dan pedagang yang aktif. Nama Abdullah Hukum dikesampingkan, manakala yang ditonjolkan ialah Yap Ah Loy. Begitu juga di Johor Bahru, nama yang diketengahkan ialah Wong Ah Fook dan Tan Hiok Nee iaitu antara saudagar Kangcu yang terkenal (Caroline Wong May Leng, 1992). Nama-nama seperti Habib Hassan Al-Attas dan Syed Muhammad Al-Sagoff (golongan saudagar) juga sepatutnya diketengahkan (Mohd. Sohaimi Esa, 1999; Saadiah Said, 1977/79; Mahayuddin Hají Yahaya, 1984). Sesungguhnya, orang Arab juga merupakan penduduk minoriti tetapi cukup berpengaruh dalam sejarah negara. Tokoh-tokoh orang India juga tidak kurang handalnya. Kebanyakan mereka terlibat dalam bidang perubatan dan undang-undang. Ini sekaligus menafikan fakta yang sengaja dikelirukan; yang mensinonimkan orang India dengan ladang. Hakikatnya, sama seperti orang India, orang Melayu dan Cina juga pernah menjadi pekerja ladang kepunyaan saudagar-saudagar berbangsa Inggeris.

Zaman penjajahan British telah membangunkan kawasan perbandaran. Pembukaan kota-kota besar ini adalah merupakan perancangan kolonial yang dibuat secara intensif dan teratur, satu kawasan petempatan baru, yang tidak ‘mengusik’ ekologi penempatan



asal orang Melayu. Jelasnya pembukaan kota-kota kolonial ini mempunyai kepentingan ekonomi British untuk membangunkan dan memajukan kegiatan perlombongan. Justeru itu, hanya kawasan yang kaya dengan hasil bumi dibangunkan seperti Taiping dan Ipoh di Perak, Kuala Lumpur dan Klang di Selangor dan Seremban di Negeri Sembilan. Proses perbandaran ini turut dilengkapi dengan pelbagai pembangunan infrastruktur, termasuklah rangkaian jalanraya, jalan keretapi dan perhubungan telekomunikasi (Malek Munip, 1980:100). Secara tidak langsung, pembangunan kota ini hanya menguntungkan orang Cina dan sedikit orang Inggeris, Melayu dan India. Manakala kawasan-kawasan pedalaman yang majoritinya didiami oleh orang Melayu dan India terus ditinggalkan dan terpinggir daripada arus perdana pembangunan. Mereka mula kehilangan hak untuk menikmati pembangunan ekonomi dan pembangunan pendidikan. Hal-hal berkaitan dengan peluang melibatkan diri dalam sektor pentadbiran dan politik diketepikan sama sekali. Dalam pada itu, pusat-pusat pentadbiran tradisional mulai kehilangan fungsi dan peranan. Para penduduk mula berhijrah ke kawasan-kawasan bandar baru yang merupakan pusat kegiatan ekonomi, perniagaan dan pendidikan.

Penulisan ilmiah yang dikemukakan oleh J.M. Gullick (1987) juga membuktikan bahawa bangsa Melayu bukanlah statik sepertimana yang digambarkan. Kehidupan ekonomi mereka cukup dinamik dan begitu responsif dengan dasar-dasar ekonomi British. Apabila pihak penjajah memperkenalkan penanaman getah secara besar-besaran, orang Melayu juga berbuat demikian tetapi dengan saiz kecil yang dikenali sebagai kebun kecil. Mereka mula menggantikan penanaman padi dan dusun buah-buahan. Keadaan yang sama berlaku, apabila proses perbandaran mula berkembang. Penulisan yang ditonjolkan ialah peranan orang-orang Cina yang bertukar daripada pelombong kepada peniaga, yang kebanyakannya mendiami kawasan-kawasan bandar.

Hakikatnya orang Melayu juga memainkan peranan yang tidak kurang penting, apabila mereka menghasilkan hasil pertanian dan barang makanan yang kemudiannya dipasarkan di kawasan-kawasan bandar. Sebagai contoh, bukankah pembangunan pesat



George Town di Pulau Pinang sebagai pusat perbandaran dan pelabuhan mempunyai kaitan yang cukup rapat dengan Seberang Perai?. Hal ini disebabkan Seberang Perai yang majoriti penduduknya berbangsa Melayu mengusahakan secara meluas kegiatan pertanian dan barang makanan.

Tidak cukup dengan pembuktian tersebut, fakta sejarah menunjukkan bahawa orang Melayu adalah merupakan golongan pedagang yang paling aktif, bukan sahaja di dalam negara malah di seluruh kepulauan Nusantara. Hakikatnya, pengasasan dan pembentukan kerajaan-kerajaan tradisional di rantau ini hampir kesemuanya berteraskan kerajaan kelautan (maritime). Kegiatan perdagangan yang cukup rancak ini menimbulkan rasa tidak senang di kalangan penjajah, yang pada akhirnya berusaha untuk menguasai rantau ini, sekaligus menguasai kegiatan ekonomi dan perdagangan, politik dan tanah jajahan serta memecahbelahkan perpaduan kaum di seluruh negara.

## KEGIATAN BERPOLITIK

Sehingga Perang Dunia Kedua, perkembangan politik di Tanah Melayu memang cenderung untuk memperjuangkan kepentingan bangsa. Kemajmukan masyarakat dengan kehadiran orang Cina dan India telah menyebabkan kegiatan politik wujud secara terpisah. Setiap kaum berusaha untuk memperjuangkan kepentingan dan kelangsungan bangsa masing-masing. Kesedaran politik yang terpisah ini mewujudkan nasionalisme Melayu, (Roff, 1984; Suntharalingam R. dan Abdul Rahman Haji Ismail, 1985) Cina dan India. Kesedaran politik yang seumpama ini menggambarkan hubungan etnik tidak boleh dicapai menerusi kerjasama politik pada ketika itu. Benih politik perkauman telah menyubur dan mengakar di kalangan tiga bangsa yang utama. Matlamat, wadah dan dimensi gerakan politik yang berbeza menyebabkan tidak wujudnya suatu kesatuan di kalangan penduduk Tanah Melayu. Faktor inilah yang memungkinkan British



mengeksplorasi keadaan untuk terus menjajah negara ini.

Pada peringkat awal, kegiatan politik orang Cina dan India lebih berkiblatkan kepada negara asal mereka. Namun begitu, orang Cina dan India juga telah mula melibatkan diri dalam pembentukan dasar bagi Tanah Melayu. Berikut daripada penubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang Cina dan India telah menggambarkan pengiktirafan penjajah terhadap orang Cina dan India. Pemimpin-pemimpin orang Cina dan India telah dilantik menganggotai Majlis-majlis Mesyuarat Kerajaan; Negeri-Negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Suatu pernyataan kesedaran politik tentang Tanah Melayu tergambar dengan dakwaan Lim Ching Yan pada tahun 1930 bahawa “Tanah Melayu milik semua kaum” (Ratnam, K.J., 1969). Sehubungan dengan itu, setiap kaum berusaha menujuhkan persatuan dan parti politik sebagai wadah perjuangan untuk menzahirkan matlamat kaum masing-masing. Dalam konteks ini, perjuangan orang Cina dikatakan lebih agresif, berbanding dengan perjuangan kaum Melayu dan India.

## ZAMAN PENJAJAHAN JEPUN

Penjajahan Jepun di Tanah Melayu meninggalkan kesan yang paling negatif berkaitan dengan hubungan antara etnik. Hubungan etnik semasa penjajahan Jepun merupakan suatu episod yang tidak boleh dilupakan begitu sahaja. Prasangka perkauman yang mula dipupuk oleh penjajah British dan dikuatkan lagi dengan dasar penjajahan Jepun yang mengamalkan dasar diskriminasi kaum, telah menyebabkan konflik antara orang Cina dan Melayu menjadi begitu tegang dan berakhir dengan pertumpahan darah. Dalam konteks ini, Jepun secara nyata memang amat membenci dan menzalimi orang Cina. Pada masa yang sama, orang Melayu kyonnya mengecapi pelbagai keistimewaan. Hakikatnya kesemua itu adalah propaganda Jepun (Ghazali Mayudin, 1978). Sama seperti orang Cina, orang Melayu dan India juga tidak terlepas daripada kezaliman tentera



Jepun yang melampau. Pengajarannya, konflik antara etnik memang mudah untuk dieksplorasikan, sekaligus berakhir dengan tragedi yang melampaui batas kemanusiaan.

Perjuangan untuk membebaskan dan memerdekaan negara daripada belenggu penjajah oleh sebahagian besar penduduk Tanah Melayu, telah bertukar menjadi konflik perkauman yang tiada kesudahannya. Prasangka dan permusuhan antara kaum telah menyuburkan sifat kebencian yang mendalam antara satu sama lain. Justeru itu, apabila penjajah British kembali semula mentadbir Tanah Melayu, mereka menggunakan Sistem Pentadbiran Tentera (British Military Administration), untuk memulihkan keamanan dalam negara, kestabilan politik dan keharmonian antara penduduk.

## **SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA**

Selepas Perang Dunia Kedua, kegelisahan politik memang begitu menonjol disebabkan oleh penjajah British yang berusaha untuk mengkolonikan seluruh Tanah Melayu di bawah ketuanan The Queen. Sehubungan dengan itu, kesedaran politik yang meluap-luap untuk memperjuangkan kemerdekaan tanah air telah bangkit secara serentak di seluruh negara. Namun begitu, perjuangan kemerdekaan lebih banyak dipelopori oleh orang Melayu. Seluruh kekuatan politik Melayu digembelingkan untuk menghapuskan kerajaan Malayan Union mulai 1 April 1946. Akhirnya kerajaan British akur dengan resolusi perjuangan Melayu, yang berakhir dengan perlaksanaan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mulai 1 Februari 1948. Campur tangan British secara langsung dalam pentadbiran Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua melalui Dasar Pecah dan Perintah menjadikan konflik kaum menjadi lebih terbuka. Prasangka antara kaum mula menebal. Orang Melayu yang cuba mempertahankan hak ketuanan di negara ini dicabar secara terbuka oleh pihak British. Terdapat golongan bukan Melayu yang berdiri di belakang dasar British yang memberi ruang dan peluang untuk membolehkan mereka



disahkan sebagai rakyat Tanah Melayu.

## **PERPADUAN SEBELUM KEMERDEKAAN**

Selepas Perang Dunia, setiap kaum masih cenderung untuk menubuhkan wadah perjuangan berasaskan kaum masing-masing. Ini terbukti dengan penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada 11 Mei 1946, (Ramlah Adam, 1978) Kongres India Malaya (MIC) pada bulan Ogos 1946, manakala pada bulan Februari 1948, Persatuan Cina Malaya (MCA) ditubuhkan (Heng Pek Koon, 1988; Oong Hak Ching, 2000). Perjuangan kemerdekaan yang dipelopori oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang lebih awal ditubuhkan iaitu pada 17 Oktober 1945, tidak mendapat sokongan massa disebabkan penglabelan dan momokan negatif yang diberikan oleh penjajah British. Malah pemimpin PKMM telah mengusahakan ikhtiar perpaduan menerusi pembentukan kerjasama politik dengan gabungan parti bukan Melayu (AMCJA) yang diketuai oleh Tan Cheng Lok. Kerjasama politik inilah yang menerbitkan cita-cita kemerdekaan menerusi gagasan Perlembagaan Rakyat yang digubal dan dipersetujui bersama pada tahun 1947 (Kamarudin Jaafar, 1980).

Tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua menyaksikan perjuangan menuntut kemerdekaan secara berterusan. Gema kemerdekaan muncul semula apabila Pesuruhjaya Tinggi British di Asia Tenggara Malcolm McDonald menaja slogan “perpaduan sebelum kemerdekaan” bagi Tanah Melayu. Muslihat British ini bertujuan untuk meredakan konflik antara kaum ke arah pembentukan suatu negara-bangsa Tanah Melayu yang merdeka. Kompromi dan tolak ansur menjadi isu utama. Berikutan daripada itu, Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum (CLC) telah dibentuk. Ahli-ahlinya terdiri daripada wakil pemimpin UMNO, MCA dan MIC yang dipengerusikan oleh E.E.C. Thuraisingam.

Perbincangan yang menumpukan kepada tema perpaduan menyebabkan Dato’ Onn Jaafar mencadangkan keahlian UMNO



dibuka kepada orang bukan Melayu. Usaha tersebut tidak mendapat sokongan daripada ahli-ahli UMNO kerana semangat perkauman masih menebal. Ia bukan sesuatu yang aneh. Ketika penjajah British melaksanakan pilihan raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur, corak pengundian juga berdasarkan asas perkauman (Gordon P. Means, 1970). Hal ini disebabkan UMNO menang di kawasan penduduk Melayu, MCA menang di kawasan penduduk Cina, manakala orang India menyokong perjuangan MIC.

Namun demikian, kegagalan Dato' Onn untuk menyatukan pelbagai kaum dalam satu parti, telah mendorong pemikiran politik Tunku Abdul Rahman untuk mengubahsuai adunan perpaduan menerusi gagasan Perikatan. Dalam konteks ini, setiap parti dibenarkan mengekalkan identiti parti masing-masing yang berteraskan kaum, tetapi membenarkan parti mereka menganggotai gagasan Perikatan pada tahun 1954. Jelasnya, pemimpin-pemimpin utama mencapai konsensus dalam isu-isu utama negara menerusi pendekatan tolak ansur (*quid pro quo*), tetapi setiap penduduk masih terus dibenarkan dan disegarkan dengan isu-isu perkauman. Namun begitu, perpaduan secara *superficial* ini telah dapat diterima oleh majoriti penduduk yang mengundi gagasan Perikatan dalam pilihan raya Persekutuan 1955. Hakikatnya, perjuangan menuntut kemerdekaan telah menjadi agenda utama rakyat Tanah Melayu ketika itu dan menenggelamkan isu-isu perkauman buat sementara waktu.

## PERSPEKTIF PENDIDIKAN

Untuk menunjukkan kepada rakyat Tanah Melayu bahawa kehadiran British mempunyai tanggungjawab sosial, maka penjajah cuba memperkenalkan sistem pendidikan yang bersifat vernakular, untuk mengukuhkan sifat dan ciri kemajmukan masyarakat. Alasannya, untuk membiarkan setiap bangsa merasa selesa dengan pengekalan identiti bangsa masing-masing. Justeru itu, guru-guru beserta dengan bahan bacaan diimport dari negara asal mereka (Ibrahim Saad, 1970).



Manakala sekolah-sekolah Melayu dibangunkan secara minimum sekadar menggambarkan keprihatinan penjajah British untuk membangunkan bangsa Melayu. Hal ini disebabkan British tidak mahu mewujudkan kelas menengah Melayu yang tidak berpuas hati dengan pembangunan bangsa yang akhirnya boleh menimbulkan kesusahan dan kekacauan kepada kolonial British. Sebaliknya, British berhasrat mengekalkan *status quo* orang Melayu, sebagai petani dan nelayan, di samping mewujudkan sektor pekerjaan baru yang berstatus rendah seperti peon, polis dan kerani.

Dasar penjajah British untuk memecahkan hubungan kaum tidak terhad kepada tiga kaum yang utama. Bagi bangsa Melayu, dasar diskriminasi kolonial British terserlah apabila orang Melayu bawahan dilayan secara ala-kadar dan ditempatkan di sekolah yang daif. Guru-gurunya pula hanya lulus darjah 6 yang kemudiannya dinaik taraf dengan penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) pada tahun 1922 (Awang Had Salleh, 1970). Manakala anak-anak golongan bangsawan dilayan dengan penuh istimewa dengan indoktrin berbudaya Inggeris menerusi penubuhan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) pada tahun 1905 (Khasnor Johan, 1980). Bagi penduduk yang tinggal di kawasan bandar, terutamanya orang Inggeris dan Cina, mereka menikmati satu lagi jenis pendidikan iaitu Sekolah Inggeris yang kebanyakannya ditaja oleh mualih Kristian. Kewujudan sekolah-sekolah mualih di bandar-bandar telah menjauhkan lagi kehadiran orang Melayu kerana khuatir aqidah agama Islam di kalangan orang Melayu diselewengkan. Jelasnya, sistem pendidikan di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan tidak banyak menyumbang kepada usaha-usaha perpaduan atau menjalin keharmonian hubungan antara etnik. Hakikatnya, setelah mencapai kemerdekaan sekian lama, sistem pendidikan vernakular tajaan British masih kita warisi sehingga ke hari ini. Paling signifikan, sistem dan dasar pendidikan British adalah sebahagian daripada usaha berterusan penjajah untuk menyisihkan dan membekukan pembangunan orang Melayu keseluruhannya.



Isu perkauman yang semakin menebal dan tragedi konflik Melayu-Cina 1945, telah meninggalkan kesan yang mendalam. Politik perkauman yang menyusul akibat perlaksanaan Perlembagaan Malayan Union juga menyumbang kepada fenomena hubungan etnik yang tidak harmoni. Ini memungkinkan usaha British untuk mewujudkan keharmonian kaum menerusi sistem pendidikan. Berikut itu, dasar pendidikan dikaji dengan pembentukan Jawatankuasa Barnes pada tahun 1951. Laporan tersebut menegaskan bahawa asas persekolahan harus memberi keutamaan dalam bahasa Melayu di samping bahasa Inggeris. Saranan ini dibuat dalam konteks mencapai matlamat ke arah nasionaliti (kebangsaan) ke Tanah Melayu. Usaha memartabatkan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan telah menimbulkan bantahan di kalangan imigran Cina, yang bimbang bahasa dan budayanya terancam. Berikut itu, Jawatankuasa Fenn-Wu telah membuat syor untuk mempertahankan kedudukan Bahasa Cina dalam sistem pendidikan. Pada tahun 1956, sebuah lagi jawatankuasa pendidikan telah ditubuhkan yang dikenali sebagai Laporan Razak. Laporan ini dengan tegas menekankan semula tentang kepentingan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan, di samping menggalakkan pengajaran Bahasa Inggeris. Pada masa yang sama, kelonggaran diberikan dalam penggunaan Bahasa Cina dan Tamil di peringkat sekolah rendah jenis kebangsaan. Jelasnya, sistem dan dasar pendidikan kebangsaan telah mula mendapat perhatian utama dari pihak penjajah dan pemerintah Tanah Melayu yang merdeka. Walaupun banyak perkara yang belum dituntas dan dimuafakatkan, namun Laporan Razak telah menetapkan asas yang kukuh kepada pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi seluruh Tanah Melayu.

Melihat kepada fenomena ini, secara realitinya pemerintah kolonial British telah memberi pengesahan untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama yang menunjangi sistem dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Hakikatnya kerajaan British mengakui dan mengesahkan ketuanan orang Melayu dalam pembikinan dasar pendidikan. Bahasa Melayu dikatakan mampu untuk menjadi agen untuk melaksanakan perpaduan menerusi pendidikan dan pentadbiran (Abdullah Hassan, 1996). Keunikan negara-bangsa Malaysia yang



mempunyai kepelbagaiannya agama, bahasa dan budaya, memerlukan suatu pendekatan dalam perancangan sosial yang konsisten untuk menyatukan dan mematri mereka, seterusnya dapat memupuk perpaduan dan integrasi nasional.

Sesungguhnya Laporan Razak yang telah dilaksanakan sejak negara mencapai kemerdekaan, telah menghasilkan kejayaan yang boleh dibanggakan berdasarkan perspektif pendidikan, kebudayaan, kenegaraan dan pembangunan secara menyeluruh. Pertama, Bahasa Melayu yang dijadikan Bahasa Kebangsaan berjaya menyampaikan ilmu dengan berkesan, dan rakyat yang berilmu pula berjaya menyumbang kepada pembangunan negara. Kedua, dasar ini berjaya membentuk masyarakat yang lebih positif terhadap pembentukan rakyat Malaysia yang mempunyai sikap keMalaysiaan. Dasar ini telah dilengkapkan dengan penggubalan dan pembentukan Rukun Negara yang menjadi prinsip asas pembentukan identiti rakyat yang mencorakkan nilai, jiwa dan rupa Malaysia (Ghazali Shafie, 1981:172; Ghazali Shafie, 2000). Ketiga, dasar ini berjaya membentuk minda asli, dan keaslian minda ini menjadi ciri jati diri rakyat Malaysia yang kreatif dan inovatif (Abdullah Hassan, 1996).

## PERSPEKTIF PERLEMBAGAAN

Isu-isu perlombagaan merupakan perkara yang paling serius dibincangkan oleh penduduk di negara ini. Hal ini disebabkan pembentukan perlombagaan adalah perkara pokok atau nadi dalam menuju pembentukan negara-bangsa Tanah Melayu yang merdeka. Isu perlombagaan mula ditanggapi secara serius, sebaik sahaja kerajaan British mengumumkan pembentukan Perlembagaan Malayan Union. Orang-orang Melayu terutamanya menzahirkan rasa tidak puas hati apabila kerajaan British secara sewenang-wenang memberi taraf kerakyatan secara ‘jus soli’ kepada semua penduduk Tanah Melayu (Simandjuntak, 1985). Ketidakpuasan hati majoriti orang Melayu berkisar tentang betapa mudahnya golongan imigran memperolehi taraf kerakyatan dan bagaimana implikasinya terhadap masa depan



bangsa Melayu. Perkara lain yang menyumbang kepada perasaan tidak puas hati ialah apabila kolonial British juga menghapuskan hak istimewa untuk orang Melayu, menghilangkan kuasa Raja-raja Melayu dan mengasingkan Singapura sebagai entiti politik untuk kepentingan kolonial, serta menjadikan Tanah Melayu sebagai ‘crown colony’ secara mutlak. Sikap tidak puas hati orang Melayu menyebabkan mereka bangkit menentang dan menubuhkan UMNO untuk menyatukan kekuatan bangsa Melayu. Atas sebab itu, British mencadangkan penubuhan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dengan mengetatkan beberapa klausula perlembagaan untuk meredakan penentangan daripada orang Melayu. Selain UMNO, PKMM yang diterajui oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmy juga turut menentang penubuhan perlembagaan dan kerajaan Malayan Union dan mereka telah mengerakkan perjuangan kemerdekaan. Malah PKMM telah bersama All Malayan Council of Joint Action (AMCJA) yang diketuai oleh Tan Cheng Lock menggubal suatu perlembagaan alternatif iaitu Perlembagaan Rakyat pada tahun 1947, tetapi ditolak oleh penjajah British.

Ketika rundingan kemerdekaan yang diadakan di London pada tahun 1957, atas semangat perpaduan parti Perikatan UMNO-MCA-MIC, suatu ‘kontrak sosial’ telah dimuafakati dan dimeterai serta disahkan oleh Suruhanjaya Reid. Dalam ‘kontrak sosial’ itu, orang Cina dan India telah diberikan pengesahan (legitimacy) untuk menjadi warganegara, sebaliknya orang Melayu diberikan empat perkara iaitu peruntukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan [perkara 152(1)], agama Islam sebagai agama Persekutuan, hak istimewa orang Melayu terpelihara [perkara 153] dan mengekalkan kedudukan raja-raja Melayu dalam institusi politik. Orang Melayu juga telah ditakrif secara terperinci dan istimewa seperti dalam Perkara 160. Bagi sesetengah pihak, ini merupakan suatu kejayaan bagi UMNO dan orang Melayu kerana memperolehi empat perkara berbanding dengan golongan imigran yang memperolehi hanya satu iaitu kerakyatan. Sebab itu jugalah kekuatan pengaruh politik Cina begitu terserlah dalam pilihan raya 1959 dan 1969. Sesungguhnya pihak pemerintah perlu kembali kepada persoalan asas iaitu Perlembagaan Tanah



Melayu agar hubungan etnik dapat terus dipelihara dan diperkasakan. Bagi negara kita, jika isu ini tidak diselesaikan, sejarah 1945 dan 1969 boleh dijadikan pengajaran yang cukup berguna untuk mengekalkan kestabilan politik dan ekonomi, di samping mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional.

## KESIMPULAN

Kefahaman yang mendalam tentang ilmu dan pendekatan sejarah adalah sangat relevan dan signifikan dalam memahami dan menganalisis pengasasan dan pembentukan negara-bangsa Malaysia. Setiap fakta yang dinukilkan pula perlu dianalisis secara ilmiah, yang boleh digabungjalin dengan ilmu sosiologi untuk memantapkan lagi kefahaman tentang keunikan dan kemajmukan masyarakat Malaysia. Buku-buku rujukan ilmiah perlu digunakan sebagai perbahasan intelektual untuk mencari objektiviti. Sekaligus, ini akan menjauhkan sifat prasangka, atau bersifat propaganda dalam penyampaian ilmu kepada khalayak pelajar, yang juga merupakan pewaris generasi masa depan. Ia juga dapat melahirkan pelajar yang mempunyai pemikiran rasional, waras dan kritis terhadap pembentukan negara-bangsa Malaysia. Gandingan pendekatan ilmu sosiologi-sejarah membolehkan kita mempunyai segala persiapan ilmiah untuk menghurai, membincang dan menganalisis fenomena hubungan etnik di Malaysia. Suatu perkara yang perlu diketengahkan ialah sekiranya kita berbalik kepada perlembagaan negara dan menghayati semangat kandungannya, maka kita tidak perlu merombak semula persetiaan dan tolak ansur (kontrak sosial) yang telah dicapai dan disepakati bersama pada tahun 1957 (Abdul Aziz Bari, 2002).